

SIARAN SEGERA



KENYATAAN MEDIA

SYARIKAT PENGENDALI LEBUH RAYA DIARAH MEMBUAT PERSEDIAAN RAPI MENGHADAPI PERTAMBAHAN TRAFIK SEMPENA KEBENARAN RENTAS NEGERI OLEH KERAJAAN

KAJANG, 11 Oktober 2021 - Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) telah bersiap sedia sepenuhnya dan telah mengambil langkah-langkah perlu untuk memastikan kelancaran trafik di lebuhraya susulan pengumuman YAB Perdana Menteri Malaysia, untuk membenarkan rakyat Malaysia yang telah menerima vaksinasi lengkap, melakukan pergerakan rentas negeri bermula hari ini, 11 Oktober 2021.

Dengan kebenaran pergerakan rentas negeri, LLM menjangkakan jumlah trafik akan meningkat kepada 4 juta kenderaan sehari terutamanya pada cuti hujung minggu dan cuti umum Maulidur Rasul pada 19 Oktober 2021, berbanding 3.5 juta kenderaan sehari pada masa kini.

Untuk memastikan kelancaran pergerakan trafik, LLM telah mengarahkan syarikat konsesi lebuhraya untuk menjadualkan pelaksanaan kerja – kerja penyelenggaraan dan mengelakkan pelaksanaan penutupan lorong terutamanya di Lebuhraya Utara Selatan, Lebuhraya KL – Karak, Lebuhraya Pantai Timur dan Lebuhraya Kajang Seremban semasa cuti hujung minggu atau cuti umum bagi mengelakkan kesesakan di lebuhraya. Persediaan rapi juga perlu dilakukan di plaza tol bagi memastikan kelancaran pergerakan kenderaan semasa melakukan transaksi di plaza tol.

Syarikat pengendali lebuhraya juga diarahkan untuk melakukan persiapan bagi memastikan semua kawasan rehat & rawat dan hentian sebelah sepanjang lebuhraya

SIARAN SEGERA

berada dalam keadaan baik dan teratur serta mematuhi prosidur operasi standard (SOP) yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) & Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi mengelakkan penularan virus COVID-19.

Lembaga Lebuhraya Malaysia juga ingin menasihatkan pengguna agar :-

- Memastikan kenderaan dalam keadaan baik sebelum memulakan perjalanan
- Memastikan baki kad *touch and go* adalah mencukupi
- Merancang dan mendapatkan rehat secukupnya sebelum memulakan perjalanan
- Mematuhi SOP ditetapkan oleh MKN / KKM iaitu pemakaian pelitup muka, mengamalkan penjarakan sosial, elakkan 3C (*close contact, crowded area & close conversation*), penggunaan surau & tandas serta merekodkan pergerakan menerusi aplikasi *MySejahtera* terutamanya apabila berada di kawasan rehat & rawat atau hentian sebelah

Pengguna lebuhraya boleh menghubungi Pusat Pengurusan Trafik Lembaga Lebuhraya Malaysia di talian 1 – 800 – 88 – 7752 untuk mendapatkan maklumat keadaan trafik atau mendapatkan bantuan. Maklumat keadaan trafik juga boleh diperolehi menerusi laman Facebook : Lembaga Lebuhraya Malaysia atau di Twitter @LLMinfotrafik.

#KeluargaMalaysia

#BekerjaBersamaRakyat

- Tamat –

Ketua Pengarah

Lembaga Lebuhraya Malaysia

11 Oktober 2021